

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI ISNIN: 14 JUN 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

/

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 2,11 HINGGA 64)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3, HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

Soalan NO:2

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PAD A

**TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]**

PERTANYAAN

TARIKH

LISAN 14.06.
2010

SOALAN NO

02

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan memberi peruntukan secara langsung kepada Kerajaan Negeri untuk mengekalkan status tapak warisan sedunia UNESCO. Jika ya, nyatakan butir-butirnya dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan bagi usaha mengekalkan status tapak Warisan Dunia UNESCO Pulau Pinang dan Melaka kepada Jabatan Warisan Negara, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Ini kerana Jabatan tersebut mempunyai

kepakaran dalam bidang berkenaan dan bertanggungjawab memastikan tapak warisan tersebut terpelihara selaras dengan keperluan UNESCO. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka boleh mengambil bahagian melalui kerjasama dengan Jabatan Warisan Negara bagi menjayakan program ini.

SOALAN NO. 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH 14 JUN 2010

SOALAN

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan untuk mengadakan ‘fogging’ dengan kerap di kampung-kampung di kawasan Parlimen Tanjong Manis kerana terdapat banyak kes-kes Chikungunya dan Denggi berdarah.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, pada tahun 2010 sehingga 29 Mei terdapat sebanyak 21 kes denggi telah dilaporkan dari kawasan parlimen Tanjong Manis manakala tiada kes dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2009. Peningkatan kes ini adalah kerana berlakunya wabak denggi di tiga buah kampung di kawasan parlimen Tanjong Manis. Bagi kes Chikungunya pula, bagi tempoh yang sama pada tahun ini terdapat sebanyak 8 kes dilaporkan dan tiada kes dilaporkan pada tahun 2009. Namun begitu situasi kes Demam Denggi dan Chikungunya adalah terkawal di kawasan ini.

Sehingga 5 Jun 2010, sejumlah 52 aktiviti semburan kabus telah dilakukan di mana 50 daripadanya adalah untuk aktiviti kawalan kes atau kawalan wabak dan 2 daripadanya adalah untuk aktiviti pencegahan. Liputan premis adalah 90% dan 99% semburan kabus dijalankan dengan berkesan dan efektif. Bagi pemeriksaan Aedes, sejumlah 22 aktiviti telah dilakukan dan didapati bahawa kadar pembiakan Aedes adalah tinggi dimana Aedes Indeks (AI) antara 3 - 8%. Sejumlah 9 aktiviti gotong-royong telah dijalankan.

Perlu dijelaskan, semburan kabus hanya membunuh nyamuk dewasa dan tidak membunuh jentik-jentik yang akan menjadi nyamuk dewasa dalam tempoh 7 hari dan berupaya menyebar penyakit-penyakit ini. Oleh yang demikian, sekiranya mana sekalipun aktiviti pengwasapan (fogging) dijalankan, masalah penularan penyakit ini akan terus berlaku selagi tempat-tempat pembiakan ini tidak dimusnahkan. Malah penyemburan racun serangga yang lebih kerap akan mengundang masalah lain pula, iaitu kemunculan nyamuk yang kebal terhadap racun serangga tersebut. Oleh itu, tindakan mempastikan tiada tempat pembiakan nyamuk dipersekutaran adalah amat penting bagi mencegah penularan penyakit demam denggi dan Chikungunya. Penglibatan masyarakat amat penting dalam aktiviti pencegahan terutama mencari dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk. Disamping itu pemimpin dan ketua masyarakat perlu memainkan peranan mereka bagi menyemarakkan budaya kebersihan dalam masyarakat, sekali gus menghapuskan Aedes. Kerajaan juga menyeru kepada semua ahli Jemaah Menteri dan ahli Parlimen di sini sekalian agar mengambil peranan masing-masing membantu kerajaan memerangi penyakit demam denggi dan Chikungunya ini.

Soalan No : 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)
TARIKH	14.06.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah kos projek menaik taraf serta pembinaan bangunan baru sekolah yang telah ditangguhkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua di seluruh Malaysia amnya dan khususnya di Kedah. Senaraikan dengan lengkap jumlah peruntukan dan sebab-sebab kelewatannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan projek yang dirancang dalam Projek Rangsangan Ekonomi 2 (PRE 2) oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sehingga kini tiada yang ditangguhkan, sama ada di seluruh negara mahupun di negeri Kedah.

NO. AUM: JZ 1%

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS]
TARIKH	14 JUN 2010
RUJUKAN	2699

SOALAN:

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi masa kini Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam menghadapi tugas kepolisan yang lebih mencabar kini berikutan kesedaran yang tinggi mengenai hak asasi dan individu di kalangan rakyat jelata.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lipis yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian sedar PDRM menghadapi tugas kepolisan yang lebih mencabar berikutan kesedaran rakyat terhadap isu hak asasi manusia yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

Dalam hal ini PDRM telah mengambil tindakan bagi meningkatkan tahap kepatuhan terhadap hak asasi manusia oleh pegawai dan anggota-anggotanya melalui pelbagai pendekatan antaranya memberikan lebih banyak latihan dan pendedahan berkaitan hak asasi manusia kepada pegawai dan anggota polis. Sebagai contoh, PDRM dengan kerjasama Sekretariat Komanwel telah mengadakan bengkel latihan Hak Asasi Manusia yang melibatkan 30 orang pegawai polis dari negara ASEAN pada 15-19 Jun 2009.

Melalui bengkel seperti ini, pegawai-pegawai PDRM dapat menimba pengalaman dan pengetahuan mengenai standard hak asasi manusia antarabangsa yang seterusnya membantu mereka dalam tugas sehari-hari selain dapat menyampaikan pengetahuan yang mereka perolehi kepada anggota- anggota di bawah seliaan

mereka.

Di samping itu setiap pegawai dan anggota sentiasa diberi penekanan mengenai kepentingan pematuhan terhadap peruntukan undang-undang dan piawaian hak asasi manusia melalui ceramah dan modul-modul latihan.

Tuan yang Dipertua,

PDRM juga komited untuk menjadikan pematuhan terhadap undang- undang dan hak asasi manusia sebagai salah satu keutamaannya sebagaimana yang disyorkan oleh Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM.

PDRM tidak menganggap situasi ini sebagai satu masalah sebaliknya ia adalah sebagai cabaran yang positif kepada PDRM dalam meningkatkan prestasi serta tahap profesionalisme pegawai dan anggotanya dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

■j/f
SOALAN
NO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

LISAN

Y.B. TUAN HJ AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]

14 JUN 2010 (ISNIN)

PERTANYAAN

DARIPADA

Y.B. TUAN HJ AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]

TARIKH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah
SOALAN kquarters JKR kelas D dan E di seluruh negara bagi
kakitangan JKR dan mengapakah kadar potongan
sewaan bagi rumah kelas ini tidak diseragamkan dengan kadar bagi
kakitangan peringkat negeri sedangkan rekabentuk binaan adaiah

⁴
serupa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kuarters Persekutuan Kementerian Kerja Raya adalah sebanyak 2144. Daripada jumlah tersebut kuarters kelas D dan E adalah sebanyak 60 unit sahaja (26 unit kelas D dan 34 unit kelas E). Kelas kuarters dan kelayakan menduduki kuarters Kerajaan adalah bergantung kepada kekosongan dan gred jawatan seseorang kakitangan tersebut.

Pada asasnya kadar sewa bagi kuarters Kerajaan sama ada kuarters milik Kerajaan Negeri atau kuarters Kerajaan Persekutuan ditetapkan mengikut Perintah Am Bab E, para 15. Walau bagaimanapun penggunaan kadar tersebut adalah tertakluk kepada persetujuan pemakaian Pihak Berkuasa Negeri bagi kuarters negeri. Dimaklumkan juga perbezaan kadar yang dikenakan adalah berbeza mengikut lokasi kuarters berkenaan. Sebagai contohnya bagi kuarters Kelas D yang terletak di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, dan Petaling Jaya, kadar yang ditetapkan ialah RM200 sebulan berbanding hanya RM60 sahaja bagi kuarters yang sama gred yang terletak di kawasan luar daripada kawasan majlis perbandaran. Perbezaan kadar harga ini adalah berdasarkan kepada kos sara hidup yang berbeza di antara negeri, kawasan bandar dan luar bandar.

Kementerian Kerja Raya sentiasa prihatin terhadap kebajikan kakitangan termasuk dalam penyediaan kuarters. Walaubagaimanapun, unit-unit kuarters sedia ada adalah terhad dan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) berhasrat untuk membina lebih banyak kuarters, khususnya di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur.

NO. AUM : 33

NO. AUP : IS

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

LISAN

TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]

14 JUN 2010

2700

PERTANYAAN SOALAN:

DARI PAD A Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta
TARIKH MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah
RUJUKAN pihak Kerajaan berhasrat meneruskan cadangan agar banduan menjalani hukuman di luar penjara termasuk diserapkan sebagai buruh di pelbagai sektor yang seiama ini dikuasai oleh tenaga kerja asing.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit yang mengemukakan pertanyaan.

Jabatan Penjara Malaysia sememangnya amat berhasrat untuk melaksanakan program agar banduan yang terpilih dari segi pemulihan, disiplin dan latar belakang kesalahan dapat menjalani sebahagian dari tempoh hukuman di luar penjara. Bagi maksud tersebut, Jabatan Penjara telah menyediakan peraturan serta *standard operating procedure* yang melibatkan mekanisme pelaksanaan, peranan jawatankuasa pemilih, peranan pegawai penjara dan tatacara pengawasan.

Program tersebut yang dinamakan sebagai Program Pemasyarakatan bertujuan memberi pendedahan kepada banduan yang layak sebagai persediaan awal untuk pengintegrasian dan penyesuaian semula ke dalam komuniti sebelum mereka dibebaskan. Ia bertujuan menanam sikap positif dan bertanggungjawab di kalangan banduan untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran hidup di luar penjara.

Banduan yang layak dipertimbangkan terdiri daripada banduan yang telah mengikuti fasa pemulihan di dalam penjara, mempunyai baki hukuman tidak lebih 24 bulan, tidak mempunyai kes lain, tiada tindakan disiplin dalam tempoh setahun sebelum memohon serta perlu menjalani ujian psikologi dan ujian saringan dada.

Sementara itu, antara kategori banduan yang tidak layak dipertimbangkan untuk menyertai program ini ialah banduan hukuman mati, banduan hukuman seumur hayat, banduan kesalahan seksual, banduan yang pernah melarikan diri dan yang masih mempunyai lain-lain kes.

Semasa mengikuti program, banduan akan dipantau oleh pegawai kanan penjara yang terdiri daripada sama ada pegawai pemulihan, pegawai rekod, pegawai vokasional dan industri, pegawai keselamatan dan pegawai parol.

Banduan yang terpilih untuk menjalani program pemasyarakatan perlu mengikuti aktiviti yang telah diatur oleh Jabatan Penjara seperti khidmat masyarakat, khidmat bakti berbayar, bekerja dalam perusahaan usahasama, kilang, sektor perladangan, pertanian, penternakan dan lain-lain yang diluluskan oleh Komisioner Jeneral

Penjara.

Setakat ini beberapa pelaksanaan secara *pilot* telah dijalankan dan ia menunjukkan kelancaran dan keberkesanan yang positif. Malahan beberapa syarikat yang berminat telah memohon untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada banduan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN **LISAN**

DARI PAD A : **TUANTAN TEE BENG**
 [NIBONG TEBAL]

TARIKH **14 JUN 2010**

SOALAN

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa banyak flat, apartment dan kondominium di Pulau Pinang yang masih tidak mendapat strata 5 tahun selepas siap dibina. Berapa ramai yang belum memohon strata dan apakah pula jenis tindakan yang diambil oleh Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2005 terdapat 89 skim pembangunan strata yang masih belum mendapat hak milik strata di

Negeri Pulau Pinang walaupun bangunan telah siap lebih dari tempoh 5 tahun. Daripada jumlah itu, sebanyak 54 skim telah memohon hak milik strata dan selebihnya iaitu, 35 skim masih belum mengemukakan permohonan.

Tanggungjawab melaksanakan tindakan penguatkuasaan undang-undang ke atas pemilik-pemilik tanah yang gagal memohon hakmilik strata menurut Akta Hakmilik Strata 1985 adalah terletak di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Namun begitu, bagi membantu PBN dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan undang-undang tersebut, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengambil inisiatif menjalankan siasatan kes-kes aduan terhadap pemilik tanah atau pemaju yang disyaki gagal memohon hak milik strata dalam

1

tempoh yang ditetapkan. Seterusnya, JKPTG mencadangkan supaya PBN melaksanakan tindakan pendakwaan di Mahkamah ke atas kes-kes ini. Sehingga kini, sebanyak 2 kes kegagalan memohon hak milik strata telah pun disabitkan kesalahan di Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 10

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATO¹ NORAINI BINTI
 AHMAD [PARIT SULONG]**

TARIKH 14 JUN 2010

RUJUKAN 2698

SOALAN:

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penderaan kanak-kanak dan buang bayi pada tahun 2008, 2009, dan 2010. Berapah jumlah dakwaan dan tangkapan yang membabitkan kes penderaan dan buang bayi bagi tahun-tahun berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Parit Sulong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah kes pembuangan bayi yang dilaporkan adalah sebanyak 102 kes bagi tahun 2008, 79 kes bagi tahun 2009 dan 27 kes sehingga bulan April 2010. Manakala bagi kes penderaan kanak-kanak pula, jumlah kes yang dilaporkan adalah sebanyak 220 kes bagi tahun 2008, 203 kes bagi tahun 2009 dan 76 kes sehingga bulan April 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Semua kes yang dilaporkan akan disiasat oleh pihak polis untuk mendapatkan keterangan-keterangan dan bukti yang mencukupi untuk mendakwa saspek. Berpandukan kepada statistik PDRM, jumlah kes penderaan dan buang bayi yang berjaya didakwa di Mahkamah adalah seperti berikut:-

BIL .	TAHUN	KES PENDERAAAN KANAK-KANAK	KES BUANG BAYI
1.	2008	11	2
2.	2009	8	0
3.	2010 Hingga April	2	1

Tuan Yang Dipertua,

Manakala bagi jumlah tangkapan yang melibatkan kes penderaan kanak-kanak dan buang bayi pula adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	KES PENDERAAAN KANAK-KANAK	KES BUANG BAYI
1.	2008	62	16
2.	2009	86	11
3.	2010 hingga April	5	2

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kes pembuangan bayi sama ada yang masih hidup atau mati, pihak PDRM akan menyiasat mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. PDRM juga akan merujuk bayi yang ditemui masih hidup kepada pihak hospital untuk pemeriksaan dan rawatan. Seterusnya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat selaku Pelindung untuk penjagaan bayi berkenaan akan memohon kepada mahkamah bagi menempatkan bayi tersebut di tempat yang selamat.

Soalan No : 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARI PAD A PERTANYAAN LISAN
AAN

TARIKH Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU)

SOALAN: 14.06.2010

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina di negara kita sehingga kini berserta jumlah pelajarnya bagi setiap sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah data bilangan sekolah dan jumlah murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Rakyat (SAR)-KAFA dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) adalah seperti berikut:

JENIS SEKOLAH	BILANGAN SEKOLAH	BILANGAN ENROLMENT
SAR- KAFA (SAR bukan sepenuh masa tidak berdaftar dengan KPM tetapi mendapat bantuan daripada Kementerian Pelajaran)	1,781	377,047
SJKC	1,292	627,699
SJKT	523	109,086
SMPC	60	57,041
JUMLAH	3,656	1,170,873

Rjm 20

to:

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUABELAS, TAHUN
2010 (7 JUN HINGGA 13 JULAI 2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI BAH ARUM
BIN MOHAMED
(SEKIJANG)**

TARIKH : 14 JUN 2010

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi pembinaan Maktab Rendah Sains Mara Sekijang, Segamat dalam RMKe-10 memandangkan tapak pembinaannya telah diperolehi pada tahun 2008.

|

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) baru sahaja dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 10 Jun 2010 dalam Dewan yang mulia ini. Sehubungan itu, peruntukan di bawah RMKe-10 masih lagi dibahaskan. Keputusan bagi projek-projek yang akan dilaksanakan termasuklah MRSM Segamat masih belum diputuskan.

- / "v

£0: 'ON Xbd

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
(SIK)**

TARIKH

14.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam perkhidmatan Pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran hari ini, berapa kategori guru yang ada (DG29-DG52). Sebutkan gaji minima dan maksima yang dibayar kepada mereka ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai 3 kategori guru iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD), Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan Pengurusan Tertinggi yang terdiri daripada Gred DGA29 sehingga ke Gred Turns Tiga (3). Gaji minimum dan maksimum mengikut kategori guru adalah seperti yang berikut:

BIL.	KATEGORI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
1.	PPPLD	RM 1,405.71	RM 4,497.26
2.	PPPS	RM 1,474.65	RM 5,846.38
3.	PENGURUSAN TERTINGGI	RM 6,595.99	RM 12,410.35

Walau bagaimanapun, penetapan gaji permulaan khususnya bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang barn dilantik tidak semestinya pada gaji minimum tetapi adalah berdasarkan kepada kelayakan akademik yang dimiliki.

Selain daripada gaji, PPP juga menikmati elaun tetap iaitu Elaun Perumahan, Elaun Khidmat Awam atau Elaun Keraian dan lain-lain elaun seperti Bayaran Insentif Pedalaman (BIP), Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan, Elaun Balik Kampung, Elaun Tanggungjawab dan sebagainya mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan.

Rjm 19

SOALAN NO. 21

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT.
MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN
KAWASAN	KENINGAU

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan samada Kementerian bellau ada menyediakan peruntukan khas untuk metnbolehkan kursus-kursus keusahawanan kepada usahawan-usahawan Bumiputera negeri Sabah dan Sarawak diadakan. Kalau ya, berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui Institut Keusahawanan Neaara (INSKEN1 bertanggungjawab dalam melaksanakan program latihan keusahawanan yang meliputi latihan pembudayaan, penaenalan, peninakatan dan penembangan dan iarinoan keusahawanan. Selain Itu, terdapat juga program-program lain yang dilaksanakan iaitu bimbinaan dan khidmat nasihat keusahawanan kepada usahawan sedia ada.

Bagi tahun 2010, Bahagian Pembangunan Keusahawanan, MITI akan melaksanakan program latihan dan lain-lain program berkaitan di INSKEN dengan jumlah peruntukan sebanyak RM31.3 iuta. Program-program latihan khusus yang akan dijalankan yang meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak adaiah sebanyak RM21.17 Juta iaitu RM 17,81 iuta diperuntukan bagi program latihan di Semenanjung dan RM3.35 iuta bagi program yang akan dijalankan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang DiPertua,

Perincian pecahan peruntukan program latihan khusus di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adaiah seperti berikut:

Jenis Latihan/Kursus	Semenanjung (RM)	Sabah dan Sarawak (RM)
A. Pembudayaan		
Program Usahawan Muda (PUM)	3,613,540	590,200
Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS)	4,235,000	315,000
<i>Student In Free Enterprise (SIFE)</i>	1,210,000	40,000
Latihan Asas Keusahawanan, Skim Usahawan Siswazah (SUS)	2,000,000	1,000,000

B. Pengenalan		
Latihan Asas Perniagaan	1,958,480	267,470
Skim Latihan dan Galakan Perniagaan	1,250,000	
Latihan Pewujudan Usahawan	525,700	
C. Peningkatan		
Kursus Soft Skill	400,000	
Kursus Hands-On	719,900	■i
Latihan Keusahawanan SDSI	600,000	400,000
	+	
Latihan Keusahawanan Peniaga Kecil Peringkat Negeri	1,000,000	500,000
D. Pengembangan dan Jarlangan Keusahawanan		
Kursus Hands-On	214,500	184,800
E. Bimbingan Keusahawanan		
Program Coaching & Mentoring	92,100	48,800
JUMLAH	17,819,220	3,346,270

NO. AUM : 6

NO.AUP :

DARIPADA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

TARIKH

RUJUKAN ON [IPOH BARAT]

PERTANYAAN : LISAN 14 JUN 2010

2697

TUAN
KULASEGA
RAN A/L
MURUGES

SOALAN:

Tuan Kulasegaran *A/L* Murugeson [Ipoh Barat] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan

- (a) jumlah kematian dan kecederaan yang berlaku setiap tahun sejak tahun 2005 akibat daripada tembakan polis; dan
- (b) jumlah aduan yang diterima daripada orang ramai dan jumlah siasatan yang dijalankan oleh pihak polis terhadap kes yang dilaporkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Barat yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, semenjak tahun 2005 hingga 2009, seramai 208 orang penjenayah telah ditembak mati kerana terlibat dalam pelbagai jenayah seperti samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, dan samun tanpa bersenjata api. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak dapat mengemukakan statistik yang khusus selain kes-kes yang melibatkan pertembungan di antara pihak polis dan penjenayah seperti yang berlaku dalam kes Aminulrashid dan Norizan Salleh kerana ia merupakan insiden terpencil dan jarang-jarang berlaku.

Soalan No: 23

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK DR. MUHAMAD LEO MICHAEL

TOYAD (*Mukah*)

TARIKH **14.6.2010**

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah rancangan RISDA di Sarawak dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan berapakah peruntukan yang dicadangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia ke 10 (RMKe-10) RISDA memberi tumpuan kepada aspek-aspek pembangunan tanah dan produktiviti, pembangunan modal insan, mempelbagaikan sumber pendapatan, aktiviti pemprosesan dan pemasaran serta meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan RISDA kepada pekebun kecil dalam usaha meningkatkan lagi taraf sosioekonomi dan kesejahteraan pekebun kecil.

Bagi tujuan tersebut, RISDA memohon peruntukan sebanyak RM31,740,000 di bawah RMKe-10 untuk tempoh 2011-2012 bagi melaksanakan program pembangunan pekebun kecil di Sarawak. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi dalam pertimbangan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

NO: 24

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PAD A

**TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 14.06.2010

SOALAN NO 24

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan membenarkan KWSP membuat pegangan terus di dalam operasi perniagaan, tidakkah ini:

- (a) bertindih dengan fungsi Khazanah; dan
- (b) bercanggah dengan fungsi KWSP sebagai tabung amanah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, semua pelaburan yang dilakukan oleh KWSP adalah untuk mencapai objektif melindungi dan memberi nilai tambah kepada tabungan ahlinya. Setiap strategi dan

keputusan pelaburan adalah disokong oleh penyelidikan dan penilaian yang berhemat ke atas potensi pulangan dan risiko.

2. Dalam semua bentuk pelaburan di bawah pengurusan aset KWSP, KWSP hanya berperanan sebagai “pelabur” yang mempunyai pegangan ke atas instrumen-instrumen pelaburan yang dibenarkan di bawah Seksyen 26, Akta KWSP 1991.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi syarikat-syarikat yang mana KWSP mempunyai peratus pegangan saham yang signifikan dan strategik (contohnya melebihi 10%), KWSP mungkin melantik wakil pengarah nominee dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat berkenaan. Pengarah-pengarah nominee ini dipilih daripada Pengurusan Tertinggi KWSP dan bertindak memelihara kepentingan pelaburan KWSP dalam syarikat-syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, pengarah-pengarah nominee tersebut tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak mempengaruhi sebarang keputusan dalam pengurusan syarikat.

SOALAN NO: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO'PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB

[LANGKAWI]

TARIKH 14 JUN 2010

SOALAN

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta MENTERI KESIHATAN

(a) adakah pihak Kementerian memantau penggunaan 'Sea Ambulance'

- khasnya di Langkawi; dan
- (b) berapa kalikah jumlah pembawaan pesakit dari Langkawi ke Tanah Besar semenjak ianya mula beroperasi dan nyatakan bilangan 'Sea Ambulance' yang terdapat di seluruh Negara
 dan nyatakan di manakah ianya ditempatkan.

Tuan Yang di-Pertua,

'Sea Ambulance' di Langkawi adalah di bawah pengendalian, kawalan dan pemantauan oleh Jabatan Laut Wilayah Utara. Kemudahan yang disediakan oleh jabatan tersebut digunakan oleh Hospital Langkawi apabila terdapatnya keperluan untuk merujuk pesakit dari Langkawi ke Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar di Tanah Besar.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejumlah 23 orang pesakit telah menggunakan perkhidmatan 'Sea Ambulance' sejak Januari 2009 sehingga April 2010.

Pada masa ini terdapat tujuh (7) buah 'Sea Ambulance' dikendalikan oleh Jabatan Laut Malaysia di seluruh Negara seperti berikut:

- a) 2 buah di Wilayah Utara (1 di Langkawi; 1 di Pulau Pinang)
- b) 1 buah di Wilayah Tengah (Pelabuhan Klang, Selangor)
- c) 1 buah di Wilayah Selatan (Mersing, Johor)
- d) 2 buah di Wilayah Timur (1 di Tanjung Gemok; 1 di Kuala Terengganu)
- e) 1 buah di Wilayah Persekutuan Labuan.

NOAUM : 19

NOAUP : Q.G

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]

TARIKH 14 JUN 2010

RUJUKAN 2882

SOALAN

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah Kerajaan Malaysia lebih menganggap pelarian Tamil dari Sri Lanka di Malaysia sebagai penjenayah dan tidak memberikan mereka kebenaran untuk mengemukakan permohonan dan hasrat mereka kepada pertubuhan-pertubuhan hak asasi antarabangsa seperti 75 orang pelarian yang ditahan di Pulau Pinang baru-baru ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pada 23 April 2010, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menyelamatkan seramai 111 orang warga Sri Lanka di Tanjung Piandang, Perak. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, Malaysia tidak pernah melabelkan 111 orang warga Sri Lanka ini sebagai penjenayah sebaliknya mereka telah diselamatkan dan diberikan perlindungan serta layanan yang baik sebagaimana mangsa antipemerdagangan orang yang lain, la selaras dengan kehendak Akta 670 dan *Protocol to Prevent, Suppress & Punish Trafficking in Persons Especially Women and Children* yang telah disertai oleh Malaysia pada 26 Februari 2009.

Untuk makluman Tuan Yang DiPertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini kesemua mangsa tersebut telah ditempatkan di Rumah Perlindungan KLIA dan juga Rumah Pelindungan Bukit Ledang setelah mendapat Perintah Perlindungan Sementara (IPO) di bawah Seksyen 44(2) Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Akta 670) selama 14 hari. Mereka seterusnya mendapat Perintah Perlindungan (PO) Seksyen 53(1) di bawah Akta yang sama sehingga 8 Ogos 2010.

Pihak United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) juga telah melawat Rumah Pelindungan KLIA pada 31 Mei 2010 untuk melihat keadaan mangsa. Pihak UNHCR hanya akan mempertimbangkan permohonan mangsa untuk diiktiraf sebagai pelarian sekiranya ianya dibuat melalui proses permohonan yang betul. Pada masa ini pihak UNHCR masih belum menerima sebarang permohonan rasmi daripada mangsa. Hanya pihak UNHCR boleh menentukan sama ada warga Sri Lanka yang terlibat ini adalah berstatus pelarian atau migran ekonomi.

NO. SOALAN : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DATO' IBRAHIM BIN ALI

[PASIR MAS]

TARIKH 14 JUN 2010

SOALAN

SOALAN 20:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan Malaysia bercadang menjemput Amy Chua, Profesor Undang- undang di Universiti Yale, Amerika Syarikat yang menulis buku '*World On Fire*' bagi memberi arahan syaranan Perdana Putrajaya seperti mana jemputan syaranan perdana oleh Prof. Dr. Ali Al'amin Mazrui pada 18 Mei 2010. Prof Amy Chua telah memberi huraihan yang amat baik mengenai 'Pasaran', 'Demokrasi' dan 'Kebencian Etnik' bagi membantu kefahaman Kerajaan dari segi 'Ekonomi Pasaran' terutama mengambil kira 'Model Ekonomi Baru' yang baru dilancarkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Pasir Mas atas sokongan beliau terhadap program Syaranan Perdana Putrajaya anjuran Kerajaan.

Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan YB bagi menjemput tokoh yang dinyatakan oleh YB. Untuk makluman dewan yang mulia ini, cadangan - cadangan yang bernalas dan membina seperti ini yang datangnya daripada ahli-ahli YB amatlah dialu-alukan. Secara tidak langsung ia menggambarkan bahawa ahli YB bersatu hati dalam memacu kemajuan negara dan kesejahteraannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

NO: 28

DARIPADA **TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
(BALING)**

PERTANYAAN **LISAN 14.06.2010**

TARIKH **28**

SOALAN NO **Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md Taib (Baling)
minta MENTERI KEWANGAN menyatakan
apakah cadangan untuk menghalalkan judi bola sepak, dibawa
terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Fatwa, dan kalau tidak,kenapa.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.

3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED

JAAFAR ALBAR

TARIKH: 14 JUN 2010

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan peratusan serta jumlah graduan lepasan IPTA dan IPTS yang masih menganggur dan graduan dari universiti mana yang mudah diserapkan di pasaran tenaga kerja.

PR-1232-L37752

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut data daripada *tracer study* yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2009, didapati bahawa seramai 23,773 graduan IPTA (23.4%) dan 6,912 graduan IPTS (28.7%) belum bekerja selepas 6 bulan menamatkan pengajian.

Kajian tersebut juga mendapati graduan IPTA daripada Universiti Teknologi MARA (58.6%), Universiti Utara Malaysia (55.5%) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

(55.5%) paling ramai diserapkan dalam pasaran pekerjaan selepas 6 bulan menamatkan pengajian.

Tuan Yang Dipertua,

Menerusi kajian yang sama juga, graduan IPTS yang paling ramai diserapkan dalam pasaran pekerjaan selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian adalah daripada Open Universiti Malaysia (98%) dan University College Sedaya International (UCSI) (68.5%).

SOALAN (30)

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYA
AN
TARIKH
DARIPADA

LISAN
14 JUN 2010 (ISNIN)
Y.B. DR. LEE BOON
CHYE
(GOPENG)

SOALAN

Y.B. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) jumlah peruntukan untuk membina semula pasar-pasar di Ipoh; dan
- (b) kenapa Pasar Gunung Rapat perlu diroboh dan dibina semula walaupun masih dalam keadaan yang sempurna.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Bandaraya Ipoh mempunyai perancangan untuk membina semula 6 pasar-pasar awam yang menelan belanja sebanyak RM33 juta. Walau bagaimanapun memandangkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai peruntukan sebegini besar, cadangan ini dijangka dilaksanakan dalam RMK-10. KPKT juga telah meluluskan projek Membina Semula Pasar Awam Gunung Rapat yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh dengan kos sejumlah RM5.8 juta. Pada tahun 2010 sejumlah RM3 juta akan disalurkan dan baki peruntukan akan disalurkan pada tahun hadapan.

Pasar ini perlu dibina semula memandangkan pasar asal telah pun berusia antara 50 ke 60 tahun. Oleh kerana kos menaiktaraf bangunan pasar tersebut lebih tinggi, maka adalah lebih sesuai sebuah pasar baru dibina untuk menggantikan pasar tersebut. Bangunan lama pasar tersebut juga menerima banyak aduan ketidakselesaan seperti tempat letak kereta yang tidak mencukupi, keadaan bangunan yang uzur dan keadaan persekitaran yang kurang selesa daripada pembeli yang berkunjung ke pasar

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2010

Soalan NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DATO'
DARIPADA SERI ONG KA CHUAN
TARIKH [TANJONG MALIM]
SOALAN 14 Jun 2010 (Isnin)
31

Dato' Seri Ong Ka Chuan minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan prestasi kewangan perkhidmatan KTM Komuter dan bilangan pengguna yang menggunakan perkhidmatan ini sejak 3 tahun lepas. Apakah strategi perniagaan yang telah dilaksanakan dan akan dirancang untuk meningkatkan perkhidmatan serta mempelbagaikan pakej perkhidmatan supaya ia mampu menarik lebih ramai penumpang menggunakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Prestasi kewangan perkhidmatan KTM Komuter dan bilangan pengguna yang menggunakan perkhidmatan ini sejak 3 tahun lepas iaitu bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti berikut:

- (i) Pada tahun 2007, jumlah penumpang KTM Komuter adalah seramai 36 juta dengan jumlah purata penumpang sehari ialah 101,000. Jumlah kutipan hasil perkhidmatan KTM Komuter bagi tahun tersebut ialah RM89.2 juta;
- (ii) Bagi tahun 2008 pula, jumlah penumpang KTM Komuter adalah seramai 36.5 juta iaitu pertambahan 1.4 peratus berbanding tahun 2007. Jumlah purata penumpang sehari pada tahun tersebut ialah 100,000. Jumlah kutipan hasil perkhidmatan KTM Komuter bagi tahun 2008 telah meningkat kepada RM89.7 juta iaitu 0.6 peratus daripada tahun sebelumnya; dan
- (iii) Walau bagaimanapun, pada tahun 2009 jumlah penumpang KTM Komuter telah menurun 34.7 juta dengan jumlah purata penumpang sehari ialah 95,000. Jumlah kutipan hasil

perkhidmatan KTM Komuter bagi tahun 2009 telah menurun kepada RM83.1 juta.

Penurunan jumlah kutipan hasil perkhidmatan KTM Komuter bagi tahun 2009 adalah disebabkan pembatalan beberapa tren perkhidmatan KTM Komuter akibat kerosakan set-set *Electric Multiple Unit* (EMU) yang digunakan.

Tuan Yang Dipertua,

KTMB telah merancang dan melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan KTM Komuter. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) pelaksanaan projek pembinaan kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di 5 buah stesen iaitu Stesen KTM Komuter Bandar Tasik Selatan, Serdang, Shah Alam, Rawang dan Sungai Buloh yang dijangka siap hujung tahun 2010 dan 10 buah stesen lagi akan dilaksanakan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-10. Antara kemudahan OKU yang dibina ialah lif, tempat letak kereta OKU, pembinaan *ramp* di laluan masuk stesen dan ke platform, laluan *tactile* dan tandas OKU;
- (ii) pelaksanaan projek membaik pulih 25 set EMU bertujuan untuk meningkat keupayaan operasi Komuter di Lembah Klang;
- (iii) pelaksanaan pembelian 38 set EMU melalui peruntukkan RM2 bilion di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang dijangka diperolehi pada tahun 2012;
- (iv) memperkenalkan Koc Wanita pada 28 April 2010 bagi laluan Sentul-Pelabuhan Klang dan pada 15 Mei 2010 bagi laluan Rawang-Seremban;
- (v) bekerjasama dengan RapidKL bagi tujuan mengintegrasikan

Soalan NO: 31

perkhidmatan rel dan bas di kebanyakan stesen KTM
Komuter bagi perkhidmatan bas pengantara; dan

- (vi) menyediakan kemudahan wi-fi di stesen-stesen KTM Komuter, memasang skrin LCD bagi penyaluran maklumat tren, perkhidmatan mengecas telefon bimbit, loker menyimpan barang, menambah bilangan kerusi dan memasang kamera tertutup bagi meningkatkan tahap keselamatan di stesen-stesen KTM Komuter.
- (vii) cadangan memperkenalkan perkhidmatan Tren Hentian Terhad untuk stesen-stesen tertentu bagi membantu penumpang tiba ke destinasi dengan lebih cepat.
- (viii) pembelian sebanyak 50 unit *portable ramp* untuk memudahkan pengguna OKU berkerusi roda menaiki tren.
- (ix) cadangan untuk meningkatkan kekerapan perjalanan KTM Komuter daripada 15minit /30 minit pada masa sekarang kepada 7.5 minit pada 2012. Dengan demikian, perkhidmatan KTM Komuter dapat mengendalikan lebih 300,000 penumpang sehari berbanding pada masa ini hanya 95,000 sehari.

NO: 32

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN CHOW KON YEOW**
 [TANJONG]

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **14.06.2010**

SOALAN NO **32**

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan apakah bantuan yang telah dan akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri untuk membayar pampasan kepada pemaju yang terjejas dengan had ketinggian 18 meter bagi projek bangunan di Tapak Warisan George Town.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan berpandangan tiada pampasan perlu dibayar kepada pemaju berikutnya had ketinggian 18 meter bagi projek bangunan di tapak Warisan Dunia George Town. Ini kerana usaha mendapatkan pengiktirafan sebagai tapak Warisan Dunia adalah hasil dari kerjasama semua pihak. Pengiktirafan ini memerlukan semua yang terlibat mematuhi peraturan-

peraturan yang telah ditetapkan oleh UNESCO bagi sesbuah tapak warisan. Oleh itu, sebarang faedah dan kos akibat dari pengiktirafan ini perlu diterima baik oleh semua pihak tanpa memerlukan sebarang bayaran pampasan.

SOALAN NO. 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (BN)

(SIPITANG)

TARIKH 14 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Datuk Sapawi Bin Haji Ahmad (BN) (Sipitang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan langkah yang diambil bagi menangani masalah gejala sosial khususnya kes-kes buang bayi yang semakin banyak dilaporkan dan menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kejadian pembuangan bayi yang semakin banyak dilaporkan sejak akhir-akhir ini merupakan masalah sosial yang memerlukan perhatian segenap lapisan masyarakat dan telah menimbulkan keresahan serta kebimbangan di kalangan masyarakat. Dalam menangani masalah ini, KPWKM mengguna pakai tiga pendekatan berikut:

- i. Memberikan Perlindungan, Pemeliharaan dan Pemulihan;
- ii. Melaksanakan Program-program Advokasi; dan
- iii. Menjalankan Kempen-kempen Kesedaran.

|

Berhubung dengan pendekatan pertama iaitu memberikan perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan sebanyak empat (4) buah Taman Seri Puteri kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah dan sebuah Pusat Jagaan Sinar Kasih bagi wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera. Pendekatan ini dapat mengurangkan risiko berlakunya kes-kes pembuangan bayi oleh ibu muda yang mengandung di luar nikah. Selain itu, Kementerian juga mempunyai lima puluh lima (55) buah institusi kebajikan, satu ratus empat (104) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan lima puluh lima (55) buah Klinik Nur Sejahtera di bawah seliaan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di seluruh negara yang bersedia menerima bayi-bayi yang tidak diingini akibat hamil luar nikah.

Di samping itu, lapan (8) buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menerima geran daripada JKM turut menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda yang memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM juga menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-anak Yatim Kuala Lumpur atau ‘OrphanCARE’ dengan menyediakan Pusat Jagaan Bayi Yang Tidak Diingini atau, dengan izin, ‘Baby Hatch’. Penubuhan pusat ini adalah untuk memberi pelindungan kepada bayi yang dibuang atau tidak diingini sebelum diserahkan kepada keluarga angkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerjasama yang dijalankan ini meliputi aspek perlindungan sementara, penempatan di dalam program penjagaan dan pengangkatan termasuk pengurusan data serta aspek promosi ke atas program penjagaan dan pengangkatan.

Tuan Yang di-Pertua

Melalui pendekatan kedua iaitu pelaksanaan program-program advokasi, Kementerian melalui JKM dan LPPKN:

- a) Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang masih di peringkat awal terdedah kepada bahaya moral;
- b) Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001;
- (c) Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah (JKKD);
- (d) Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti SmartStart dan Modul Kasih. Selain itu, Program Parenting@Work juga telah diperkenalkan di mana pendekatan diambil untuk memberikan kursus ini di tempat kerja bagi memudahkan ibu bapa menghadiri kursus berkenaan; dan
- (e) Mewujudkan Pusat Remaja kafe@TEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPPKN juga telah mula melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti, pembentukan nilai kendiri dan perhubungan kekeluargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi kebajikan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain langkah yang saya nyatakan tadi, pendekatan ketiga yang diguna pakai oleh Kementerian iaitu menjalankan kempen-kempen secara berterusan sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia mengenai kepentingan melindungi dan memelihara kanak-kanak. Antara inisiatif yang diusahakan oleh Kementerian bersama-sama dengan akhbar Utusan Malaysia, Astro dan Persatuan Karyawan ialah melalui kempen “KAMI PRIHATIN”. Kempen ini merupakan satu permulaan dan diharap menjadi pendorong kepada sektor korporat, anggota masyarakat dan ibu bapa meningkatkan kesedaran terhadap masalah ini yang akhirnya isu pembuangan dan penderaan kanak-kanak dapat dibendung sepenuhnya.

KPWKM telah pun mewujudkan perkhidmatan Talian NUR 15999 sejak 5 Disember 2007 bagi membolehkan orang awam membuat sebarang aduan termasuk perlindungan kepada bayi yang tidak diingini disalurkan kepada pihak yang berwajib untuk tindakan selanjutnya. Remaja dan wanita yang mengandung luar nikah boleh mendapatkan khidmat nasihat, kaunseling, atau pun apa juga bantuan melalui Talian NUR 15999 bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dengan perbuatan membuang bayi. Talian ini beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Tanggungjawab menangani gejala ini bukan hanya terletak di bahu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata. Sebaliknya ia memerlukan kerjasama dan komitmen padu dari pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia, badan-badan bukan kerajaan seperti Persatuan Perancang Keluarga Malaysia, pihak swasta dan masyarakat dalam usaha membendung gejala ini.

Saya penuh yakin melalui usaha-usaha yang digerakkan oleh Kementerian dan disusuli dengan inisiatif-inisiatif oleh sektor korporat dan masyarakat umum serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mampu membendung gejala pembuangan bayi ini dalam jangka masa panjang.

NO:34

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 14.06.2010

SOALAN NO Loy Sian³⁴ (Petaling Jaya Selatan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Kerajaan meluluskan Lesen Judi Pertaruhan Bola Sepak di negara ini dan adakah ini sebagai galakan supaya orang ramai berjudi dalam bidang sukan, khasnya bola sepak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.

3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

NO. AUM : 44

NO. AUP : 3.5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

DARIPADA

14 JUN 2010

TARIKH

2701

**SOALAN
RUJUKAN**

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah operasi dan tangkapan terhadap pendatang tanpa izin selaras dengan kehendak Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Libaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 2,694 operasi telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Mac 2010 manakala sebanyak 8,604 tangkapan telah dilakukan. Walau bagaimanapun, Kerajaan belum membuat keputusan untuk menetapkan menangani masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) sebagai agenda utama dalam NKRA.

NO:36

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 14.06.2010

SOALAN NO 36

**Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta MENTERI
KEWANGAN**

menyatakan kedudukan terkini kes penipuan dalam skim pengambilan deposit haram yang berjaya dikesan, diambil tindakan, amaun dan bilangan peserta yang terlibat dan mengapakah masyarakat masih terus menjadi mangsa sindiket.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau aktiviti skim pengambilan deposit haram yang melanggar peruntukan undang-undang di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (ABIK). Dari tahun 2003 hingga 2009, Bank Negara Malaysia telah menyiasat sebanyak 30 buah syarikat yang disyaki menjalankan aktiviti skim pengambilan deposit haram,

membabitkan bilangan pelabur melebihi 550,000 orang dengan jumlah kutipan pelaburan yang dianggarkan sebanyak RM1.8 billion.

2. Bagi statistik tahun 2009, tujuh kertas siasatan telah dibuka bagi menyiasat aktiviti pengambilan deposit tanpa lesen di bawah ABIK dan tujuh kertas siasatan lagi telah dibuka di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001. Empat syarikat yang disyaki menjalankan aktiviti skim pengambilan deposit haram telah dihadapkan ke mahkamah untuk tindakan perundangan, iaitu:

- i) Gemilang Mirza Sdn Bhd
- ii) Noradz Travel & Services Sdn Bhd
- iii) Buluhmas Enterprise Sdn Bhd
- iv) Eastana Farm Industries Sdn Bhd

3. Masyarakat masih terus menjadi mangsa sindiket kerana perkara-perkara berikut:

- (a) Sifat tamak untuk menjadi kaya-raya dalam masa yang singkat tanpa usaha sendiri;
- (b) Terpengaruh dengan pujukan keluarga, saudara-mara dan rakan taulan untuk melabur dalam skim cepat kaya;

- (c) Dikaburi dengan gaya hidup kelas atasan seperti kereta mewah, rumah besar dan jam mewah yang digayakan oleh penganjur, agen dan pelabur terawal skim cepat kaya;
- (d) Tidak menyemak dengan pihak berkuasa yang berkaitan seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Polis Diraja Malaysia;
- (e) Tidak berhati-hati dan melaburkan wang dengan pantas setelah membiarkan diri dipengaruh dan termakan umpan agen-agen pemasaran;
- (f) Terpedaya dengan skim pelaburan yang diperdagangkan melalui medium Internet, yang mendakwa mempunyai lesen dari pihak berkuasa luar negara dan terpengaruh membaca testimoni kononnya dari pelabur-pelabur yang telah menjadi kaya-raya hasil dari pelaburan dalam skim berkenaan;
- (g) Tidak mahu melepaskan peluang keemasan dengan tawaran pulangan skim pelaburan yang jauh lebih tinggi dari pasaran, dan beranggapan bahawa orang lain yang akan tertipu dengan skim cepat kaya dan bukannya diri sendiri; dan
- (h) Dalam situasi nilai pelaburan yang sedikit, pelabur tidak

kisah jikalau tertipu dengan penganjur skim pelaburan berkenaan dan sanggup berhutang dan bergadai kerana terpengaruh dengan janji pulangan yang lebih besar.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA Y.B.DATO'ISMAIL BIN KASIM
(ARAU**

TARIKH 14.6.2010

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah rumah yang akan dibina di bawah projek perumahan rakyat termiskin pada tahun 2010-2013 mengikut negeri dan apakah kaedah yang digunakan Kementerian untuk memastikan projek-projek tersebut akan siap mengikut jadual dan mengikut kos yang ditetapkan Kerajaan. **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua

Bagi tahun 2010-2013, Kerajaan mensasarkan untuk membina sejumlah 51,892 unit rumah iaitu 50,000 unit di bawah *National Key Result Area* (NKRA) iaitu dalam tempoh 2010 hingga 2012 dan sejumlah 1,892 unit lagi akan dilaksanakan pada tahun 2013 melalui cadangan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Perincian bilangan projek mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	Bil Projek
JOHOR	1,189
KEDAH	2,802
KELANTAN	4,216
MELAKA	265
NEGERI SEMBILAN	316
PAHANG	888
PERAK	2,801
PERLIS	577
PULAU PINANG	705
SELANGOR	1,353
TERENGGANU	3,339
SABAH	12,782
SARAWAK	12,417
WP LABUAN	40
PELBAGAI NEGERI	8,202
JUMLAH	51,892

Tuan Yang Dipertua

Dalam usaha memastikan projek-projek di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) dapat disiapkan mengikut jadual dan kos yang munasabah, Kementerian telah merangka strategi perancangan pelaksanaan seperti berikut:

1. Menyediakan perancangan pelaksanaan yang lebih awal dengan memaklumkan mengenai jumlah peruntukan mengikut negeri dan daerah kepada semua *Focus Group Negeri* dan *Daerah*. Perancangan sebegini akan membolehkan *Focus Group Negeri* dan *Daerah* membuat perancangan rapi dan tepat serta **mengemukakan senarai cadangan penerima bantuan yang muktamad mengikut keutamaan sebelum tahun pelaksanaan.**
2. Menggunakan mekanisme Jawatankuasa *Focus Group Daerah* yang melibatkan pelbagai pihak seperti Pejabat Daerah, Ahli Yang Berhormat dan agensi-agensi kerajaan di peringkat daerah dalam memuktamadkan semua senarai permohonan PBR sebelum dikemukakan kepada KKLW. Langkah ini bagi memastikan peserta yang dicalonkan adalah mereka yang betul-betul layak dan dapat **meminimumkan isu-isu ketirisan bantuan.**
3. Memperkuuhkan lagi perancangan pelaksanaan dan pemantauan projek

PBR melalui tiga jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemantauan dan Penyelarasan Zon. Jawatankuasa-jawatankuasa ini akan bermesyuarat secara berkala bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek PBR di seluruh negara. Selain itu, jawatankuasa-jawatankuasa ini akan dibantu oleh Cawangan Pejabat KKLW Negeri dan *Flying Squad* KKLW dalam urusan verifikasi dan pemantauan projek secara lebih dekat bagi memastikan pelaksanaan projek mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan.

4. Mewujudkan *agensi teraju* dalam melaksanakan projek PBR di negeri-negeri. Agensi-agensi Pelaksana seperti RISDA, FELCRA, KESEDAR, KEDA, KETENGAH dan KEJORA akan membantu KKLW dalam melaksanakan PBR di Semenanjung. Manakala bagi negeri Sabah dan Sarawak pula, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dilantik sebagai agensi teraju dalam menyelaraskan pelaksanaan PBR di negeri masing-masing.
5. Memperkuuhkan lagi pengurusan permohonan PBR melalui Sistem Pengurusan e-PBR. Sistem berkomputer ini akan membantu melancarkan proses pengurusan permohonan PBR dengan lebih efisyen, telus dan mesra pelanggan. Sistem ini akan menyimpan semua maklumat permohonan PBR dan merekodkan status proses setiap kes atau permohonan PBR.

Tuan Yang Dipertua

Menangani isu-isu kenaikan kos projek adalah suatu cabaran yang perlu dihadapi oleh Kerajaan. Kos pembinaan rumah PBR banyak bergantung kepada harga pasaran bahan binaan. Setakat ini kos yang ditetapkan masih dilihat sesuai untuk digunakan, namun Kerajaan tidak dapat menolak kemungkinan akan berlakunya kenaikan harga pasaran bahan binaan pada masa hadapan. Sehubungan itu, Kementerian sedang mengkaji bahan-bahan binaan IBS yang lebih kos efektif sebagai alternatif bagi menggantikan bahan

binaan konvensional sekiranya perlu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN NO. AUM: 48
NO. AUP: 38
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR
BARU]**

TARIKH 14 JUN 2010

RUJUKAN 2703

SOALAN:

Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:

- (a) Berapa ramai anggota polis yang cedera atau terbunuh semasa bertugas sejak tahun 2000 - 2010; dan
- (b) Sila berikan pecahan punca kecederaan / kematian anggota tersebut dan apakah skim perlindungan atau bantuan kewangan selain takaful yang diberikan kepada anggota polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), seramai 433 orang anggota polis telah terbunuh dan cedera semasa bertugas sejak tahun 2000 hingga 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b), sepanjang tempoh tersebut seramai 90 orang anggota polis terbunuh, 277 orang cedera parah dan 66 orang cedera. Di antara punca-punca kecederaan atau kematian yang melibatkan anggota polis adalah seperti berikut:-

- (i) Ditembak oleh penjenayah;
- (ii) Dilanggar semasa mengadakan sekatan jalanraya;
- (iii) Diserang dengan menggunakan senjata/objek semasa menyuraikan perhimpunan;
- (iv) Ditikam oleh penjenayah semasa pergelutan;
- (v) Ditetak dengan senjata tajam semasa cuba menenangkan orang yang tidak siuman; dan

- (vi) Kemalangan jalanraya semasa tugas mengiringi orang kenamaan, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), Orang Kena Tahan (OKT) dan mengejar penjenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan amat prihatin dan mengambil berat mengenai hal ehwal kebajikan pasukan keselamatan terutamanya anggota polis. Kerajaan telahpun menubuhkan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) dan Tabung Kumpulan Wang Polis (KWP) bagi memberi bantuan kewangan kepada anggota yang terbunuh dan cedera semasa menjalankan tugas.

NO.SOALAN:39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH 14 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh minta PERDANA MENTERI menyatakan bentuk

kos dan anggaran jumlah kos (dalam RM) yang akan dialami oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sekiranya pilihan raya tempatan dijalankan oleh kerajaan negeri di bawah artikel 113(4) Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bentuk kos yang terlibat di dalam sesuatu urusan pilihan raya tempatan termasuklah bayaran elaun petugas pilihan raya, pengangkutan, jamuan, sewaan peralatan, percetakan dan pembelian peralatan.

Dalam konteks ini, anggaran kos untuk pilihan raya tempatan, jika ianya diadakan, adalah sama dengan kos pilihan raya umum biasa, bergantung kepada keluasan kawasan dan juga jumlah pemilih sesuatu bahagian pilihan raya Parlimen. Anggaran kos yang terlibat pula adalah antara RM200,000.00 hingga RM600,000.00 untuk setiap bahagian pilihanraya Parlimen.

Oleh yang demikian, anggaran kos keseluruhan untuk sesuatu pilihan raya tempatan bergantung kepada jumlah bahagian pilihan raya Parlimen yang berada di dalamnya.
Sekian, terima kasih.

N0:40

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA

DATO' KAMARUL BAHARIN
BIN ABBAS (TELOK KEMANG)
LISAN

PERTANYAAN

TARIKH

14.06.2010

SOALAN NO

40

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapa banyakkah projek dan perolehan yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan dan agensi- agensi Kerajaan yang telah melanggar Arahan Perpendaharaan dan apakah tindakan yang telah diambil untuk membanteras amalan ini supaya projek dan perolehan menjamin Kerajaan mendapat "*value for money*".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2009,

sebanyak 34 perolehan telah melanggar Arahan Perbendaharaan dan

dikenakan pembayaran di bawah AP 59. Walau bagaimanapun sehingga 31 Mei 2010, terdapat trend penurunan dalam pelanggaran AP dan sebanyak 9 perolehan sahaja yang telah dikenakan pembayaran di bawah AP 59.

2. Di antara bentuk tindakan yang disyorkan oleh Jawatankuasa AP 59 untuk diambil tindakan oleh Kementerian/Agensi terhadap Pegawai Awam adalah seperti teguran, amaran secara pentadbiran, tindakan tatatertib atau surc妖.
3. Selain daripada tindakan berbentuk punitif, Kementerian Kewangan juga telah mengambil langkah-langkah pencegahan berbentuk polisi atau dasar melalui Surat Arahan Perbendaharaan dan Surat pekeliling Perbendaharaan serta menyediakan bengkel atau memberi ceramah mengenai tatacara perolehan kepada Jabatan dan Agensi dari masa ke semasa.

NO:41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)
LISAN

**PERTANYAAN
TARIKH** **14.06.2010**

SOALAN NO 41

Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah yuran tahunan kad kredit mengikut pecahan negeri yang dikutip setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, yuran tahunan kad kredit adalah caj keahlian tahunan yang dikenakan ke atas pemegang kad kredit oleh pengeluar kad kredit. Ianya adalah berbeza dengan cukai perkhidmatan yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas pemegang kad kredit. Bank Negara Malaysia tidak mempunyai maklumat mengenai jumlah yuran tahunan kad kredit mengikut pecahan negeri. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik yang diterima daripada pengeluar-

pengeluar kad kredit, jumlah keseluruhan yuran tahunan kad kredit bagi tempoh Januari sehingga April 2010 adalah sebanyak RM66.7 juta.

SOALAN NO. 42**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN TUAN TONY PUA KIAM WEE
KAWASAN	PETALING JAYA UTARA
TARIKH	14.06.2010 (ISNIN)

TUAN TONY PUA KIAM WEE minta **MENTERI PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengubah Pelan Automotif Negara sekali lagi untuk menarik balik dasar RM10,000 untuk setiap "AP" import kereta dan memanjangkan masa tamat skim AP ini.

Jawaoan

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan pada 28 Oktober 2010 telah memperkenalkan sebagaimana langkah baru di bawah Kajian Semula Dasar Automotif Nasional (NAP) dalam usaha memastikan pembangunan terancang industri automotif tempatan. Bagi memastikan hasrat ini direaih selamat, Kerajaan akan memastikan pelaksanaan pemansuhan sistem AP

Terbuka menjelang tahun 2015 ini dilaksanakan sebagaimana digariskan. Tempoh 5 tahun yang tinggal, diharap akan memberikan hala tuju yang jelas dan sebagai tempoh peralihan kepada pemegang AP sedia ada untuk mempelbagai dan menceburi pernlagaan baru.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana diumumkan dalam Kajian Semula NAP, setiap AP Terbuka yang dikeluarkan akan kekal dikenakan caj sebanyak RM10,000. Menerusi kutipan caj tersebut, Kerajaan pada 22 April 2010 telah menubuhkan Dana Automotif Bumiputera yang akan digunakan bagi tujuan pelaksanaan program-program pembangunan Bumiputera dan syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka untuk beralih ke sektor pernlagaan yang lain. Antara program-program yang telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan adalah:

- (i) pinjaman mud ah kepada usahawan Bumiputera yang ingin mendapatkan hak francais/pengedar daripada syarikat PrInsipal;

- (ii) pinjaman mudah untuk dijadikan modal kerja kepada usahawan Bumiputera yang berminat menjadil pengedar kepada pemegang Francals;
- (iii) pinjaman mudah untuk pengedaran kenderaan kepada usahawanBumiputera untuk melaksanakan projek pembesaran; dan
- (iv) pinjaman mudah untuk dijadikan modal kerja kepada usahawan Bumiputera yang berminat menceburi bidang- bidang lain dalam sektor automotif atau bidang lain selain sektor automotif.

NO. SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN LIM KIT SIANG**

TARIKH **14 Jun 2010**

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan alasan

kepada kelambatan dalam pelaksanaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (*Enforcement Agencies Integrity Comission - EAIC*) dan sama ada itu akan digantikan oleh Suruhanjaya Aduan dan Salah Laku Polis Bebas (*Independent Police Complaints and Misconduct Commission - IPCMC*).

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 telah diwartakan pada 3 September 2009. Penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) yang menggantikan Suruhanjaya Aduan dan Salah Laku Polis Bebas (*Independent Police Complaints and Misconduct Commission - IPCMC*) akan berperanan untuk menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguatkuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan termasuk PDRM.

Seksyen 1(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 menyatakan bahawa akta ini hendaklah terpakai bagi 21 agensi penguatkuasaan yang telah ditetapkan oleh Perdana Menteri termasuk Polis Diraja Malaysia seperti berikut:

1. Agensi Antidadah Kebangsaan
2. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
3. Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)
4. Jabatan Alam Sekitar
5. Jabatan Imigresen Malaysia
6. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
7. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

8. Jabatan Pendaftaran Negara
9. Jabatan Penerangan Awam
10. Jabatan Pengangkutan Jalan
11. Jabatan Perhubungan Perusahaan
12. Jabatan Perikanan
13. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
14. Jabatan Tenaga Kerja
15. Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatkuasaan)
16. Kementerian Pelancongan Malaysia (Unit Penguatkuasaan Bahagian Pelesenan)
17. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Bahagian Penguatkuasaan)
18. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatkuasaan)
19. Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan
20. Pendaftar Perniagaan
21. Polis Diraja Malaysia

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang ditubuhkan akan mempunyai 7 Pesuruhjaya, yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan lima Pesuruhjaya, yang akan memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan tidak boleh memegang jawatan melebihi dua tempoh yang berturut-turut.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, satu Tim Nukleus telah diwujudkan dengan menggunakan Waran

Perjawatan Bil. A 75 Tahun 2010 yang berkuatkuasa mulai 1 April 2010 bagi menjalankan tugas-tugas pengoperasian Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

Tim Nukleus ini antara lain melaksanakan fungsi dan tugas seperti berikut:

- (i) menguruskan pewartaan / tarikh penguatkuasaan penubuhan SIAP;
- (ii) menguruskan pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan 5 orang Pesuruhjaya SIAP bagi mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri; dan
- (iii) menguruskan pelantikan Setiausaha serta pegawai-pegawai utama yang lain untuk membolehkan SIAP beroperasi dengan sempurna sebagai satu entiti sebuah badan berkanun.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAA LISAN
N DARIPADA DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
: [PENGKALAN
TARIKH CHEPA] 14 JUN 2010
(ISNIN)

SOALAN

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) minta Perdana Menteri menyatakan apakah ada persediaan perancangan yang praktikal untuk memastikan apabila terlaksana sepenuhnya Model Ekonomi Baru, 40% dari isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah RM 1500.00 (sekaligus dikategorikan sebagai miskin) untuk tidak terus tercicir.

JAWAPAN:

Model Baru Ekonomi tidak sahaja mencadangkan langkah berkesan kearah mencapai matlamatnya tetapi juga mencadangkan ciri-ciri mekanisme pelaksanaan yang akan mempengaruhi kejayaan sesuatu langkah dasar supaya matlamat MBE akan tercapai secara mampan. Model Baru Ekonomi akan memastikan 40% dari isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah RM1500.00 (sekaligus dikategorikan sebagai miskin) untuk tidak terus tercicir. MBE juga mencadangkan tindakan affirmatif kepada kumpulan ini dengan langkah-langkah membina keupayaan supaya mereka dapat melibatkan diri dalam pekerjaan yang bertaraf lebih tinggi terutamanya di dalam bidang

keusahawanahan.

Soalan No.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2010)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 14 JUN 2010

SOALAN

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang pelaburan Amanah Raya dan PERKESO dalam saham judi di Malaysia. Apakah peranan JAKIM dalam memastikan pelaburan Kerajaan bersih dari unsur haram.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan agensi Persekutuan yang bertanggungjawab menguruskan isu-isu berkaitan hal ehwal Islam dalam negara termasuk isu-isu yang berkaitan bidang muamalat dan kewangan Islam. Dalam bidang muamalat Islam, JAKIM berperanan menyatakan pandangan menerusi keputusan-keputusan fatwa yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF). Justeru, sewajarnya pihak kerajaan merujuk keputusan-keputusan fatwa ini dalam mempertimbangkan tentang sesuatu pelaburan yang ingin diceburi.

Bidang kuasa yang menentukan dan memantau pelaburan kerajaan adalah tertakluk sepenuhnya di bawah Kementerian dan agensi berkaitan yang bertanggungjawab memastikan bentuk pelaburan kerajaan bermanfaat untuk negara dan pihak Kementerian berkenaan sewajarnya meneliti segala keputusan fatwa yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa tersebut'.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]

TARIKH 14 JUN 2010

SOALAN :

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fungsi dan peranan *School of Government*, INTAN dan perancangan Kerajaan seterusnya untuk institusi ini.

JAWAPAN : **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Selari dengan Pelan Transformasi Kerajaan, *School of Government* sedang ditubuhkan sebagai sebuah institusi baru yang mempunyai autonomi untuk memberikan pendapat, latihan dan konsultansi terutamanya kepada sektor

NO. SOALAN:46

awam. Penubuhan *School of Government* ini selari dengan tuntutan dan harapan yang semakin tinggi terhadap Perkhidmatan Awam dan keperluan serta aspirasi negara untuk melahirkan penjawat awam yang berkaliber tinggi, berpengetahuan luas, serta berkeperibadian utuh melalui komitmen, pendirian yang teguh serta mempunyai nilai dan etika kerja yang tinggi. Perkhidmatan Awam yang cekap, produktif dan berdaya saing yang tinggi akan memastikan negara bergerak dengan lancar ke arah mencapai matlamat ekonomi berpendapatan tinggi.

School of Government ini akan berperanan sebagai:

- Sebuah **Institusi Pengajian Tinggi** yang menumpukan kepada bidang-bidang yang berkaitan dengan **Pentadbiran Awam**;

NO. SOALAN:46

- Sebuah **Pusat Penyelidikan, Konsultansi dan Rujukan Perdana** di Malaysia yang berfokuskan kepada aspek Kepimpinan, Perkhidmatan dan Polisi Kerajaan;
- Sebuah **Pusat Latihan** kepada penjawat awam diperingkat **Kumpulan Pengurusan Pertengahan dan Tertinggi**; dan
- Sebuah **Pusat Kolaborasi** di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa tentang pembangunan dasar Kerajaan.

Perancangan Kerajaan seterusnya bagi institusi ini adalah:

- Menubuhkan **School of Government** di bawah Akta Syarikat untuk memastikan kebebasan operasinya;
- Menyediakan infrastruktur institusi;
- Memberi ruang kepada *School of Government* untuk menyediakan latihan lanjutan kepada kumpulan pengurusan pertengahan dan tinggi dari sektor awam dan swasta;
- Menawarkan program pengajian pascasiswazah dalam bidang Polisi Awam; dan
- Menjalankan kerjasama dalam penyelidikan, latihan dan pengajian pasca siswazah dengan institusi-institusi ulung dari seluruh dunia.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO:

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB LIM GUAM ENG

TARIKH : 14 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN :

YB Urn Guan Eng [Bagan] minta **FERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan kes penipuan sebanyak RM5.4 juta dalam projek pembangunan semula Pelabuhan Swettenham bermilai RM65 juta di Pulau Pinang oleh pihak kontraktor. Apakah sebabnya tiada tindakan dan tiada penyerahan balik wang selepas kes ini diserahkan kepada Peguam Negara.

JAWAPAN: YB D^{to*} Seri Mohanried Nazri bin Abdul Aziz

Tuan yang di-Pertua,

Kes ini masih dalam peringkat siasatan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersial IPD Barat Daya, Pulau Pinang dan Polis masih berusaha untuk mengesan suspek utama dalam kes penipuan tersebut yang telah menghilangkan diri setelah laporan Polis dibuat oleh pengadu. Pihak Polis telah menyenaraikan suspek sebagai orang yang dikehendaki (*wanted person*) dan hebahan telah dibuat di seluruh kawasan pentadbiran Polis di seluruh Negara.

Siasatan kes ini juga masih belum iengkap memandangkan dokumen-dokumen asal yang merupakan bahan bukti dalam kes ini belum dapat diperoleh kerana ia dipercayai dibawa bersama oleh suspek. Oleh itu, sebarang tindakan untuk membuat pemeriksaan perbandingan tandatangan yang dipercayai dipalsukan ke atas dokumen-dokumen tersebut ke Jabatan Kimia tidak dapat dilakukan. Setakat ini juga enam orang saksi telah dirakamkan percakapan mereka iaitu pihak pengadu, pihak SME Bank

Cawangan Bayan Baru, pihak Izoma Sdn. Bhd. iaitu kontraktor utama dan juga pihak daripada Bahagian Kewangan, Kementerian Pengangkutan.

Isu mengenai penyerahan balik wang tidak timbul sama sekali kerana tidak ada sebarang harta atau wang yang dirampas atau disita oleh Polis dalam kes ini. Selain itu, kertas siasatan kes ini belum lagi dirujukkan atau diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk apa-apa arahan atau tindakan.

NO. SOALAN :48

PERTANYAAN JAWAPAN LISAN
DARIPADA Y.B. DR. RAMASAMY A/L
TARIKH PEMBERITAHUAN PALANISAMY [BATU KAWAN]
PERTANYAAN JUN 2010 (ISNIN)
DEWAN RAKYAT

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah Kerajaan Barisan Nasional gagal membangunkan taraf sosio-ekonomi kaum Iban di Sarawak sejak 47 tahun yang lalu memandangkan tahap kemiskinan dan kekurangan nutrisi kaum ini berada dalam tahap membimbangkan serta apakah rancangan terkini Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan kaum Iban.

JAWAPAN:

Negara telah mencapai kejayaan yang besar dalam usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Selain daripada mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan, Kerajaan juga mensasarkan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan etnik minoriti di Sarawak daripada 6.4 peratus pada tahun 2009 kepada 3.0 peratus pada tahun 2015. Di antaranya, kadar kemiskinan keseluruhan di kalangan kaum Iban telah berkurangan daripada 11.9 peratus pada tahun 2000 kepada 6.6 peratus pada tahun 2009 manakala kadar kemiskinan tegar pula berkurangan daripada 3.1 peratus kepada 1.1 peratus dalam tempoh yang sama iaitu lebih rendah daripada kelompok Bumiputera lain. Purata pendapatan kaum Iban juga telah meningkat daripada RM1.725 pada tahun 2004 kepada RM2.599 pada tahun 2009 iaitu peningkatan sebanyak 8.5 peratus.

Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus melipatgandakan usaha melalui pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan secara bersepadu termasuklah program membangunkan tanah dan konsep agropolitan serta bantuan peningkatan keupayaan khusus. Seiain daripada itu, Kerajaan turut menyediakan bantuan bagi membangunkan perniagaan kecil menerusi bantuan kredit mikro,

khidmat nasihat dan latihan keusahawan, pembinaan gerai niaga dan program-program ekonomi yang lain serta program-program pembangunan modal insan dan latihan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu sebagai usaha untuk meningkatkan kapasiti dan *employability* kepada golongan ini.

NO. SOALAN : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG

[BATU]

TARIKH : 14 JUN 2010

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang (Batu) minta PERDANA MENTERI

menyatakan :

- a) Kementerian manakah yang bertanggungjawab ke atas pengiklanan dalam *The New York Times* pada 16 April 2010 bagi isteri Perdana Menteri dan berapakah jumlah kos keseluruhannya; dan
- b) Sama ada Perdana Menteri sedar atau tidak Datin Seri Rosmah

digelar sebagai ‘wanita pertama’ telah melanggar Artikel 32 Perlembagaan Malaysia.

JAWAPAN: YAB DATO' SERI MOHAMED NAJIB TUN RAZAK
PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Saya mohon izin untuk menjawab soalan dari YB Batu pada 14 Jun berkaitan sebuah paparan iklan di akhbar The New York Times pada 16 April 2010 yang kononnya melibatkan perbelanjaan Kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Iklan dua muka yang dimaksudkan itu telah muncul di akhbar New York Times, semasa lawatan rasmi saya ke Amerika Syarikat pada bulan April yang lalu. Isu ini timbul setelah sebuah portal berita membuat tuduhan kononnya pihak New York Times berkata iklan itu ditempah oleh kerajaan Malaysia. Ingin saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan Malaysia dan mana-mana agensinya tidak terlibat sama sekali dengan iklan tersebut, sama ada dari segi perancangan, penempahan mahupun pembayaran. Saya difahamkan bahawa iklan tersebut telah ditempah oleh sebuah NGO Amerika bersempena dengan anugerah yang mereka sampaikan kepada isteri saya di atas kerja-kerjanya dalam hal ehwal kemanusiaan dan dalam memperjuangkan pendidikan kanak-kanak. Saya juga difahamkan bahawa NGO tersebut telah pun menulis surat dan membuat penjelasan kepada New York Times dan juga kepada portal berita yang menimbulkan isu ini, bahawa iklan tersebut tiada kena mengena sama sekali dengan Kerajaan Malaysia mahupun mana-mana ejen

mewakilinya. Dengan itu saya kira soal kos kepada kerajaan tidak timbul dan perkara ini tidak lagi menjadi persoalan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan adat, budaya dan amalan protokol di Malaysia, gelaran ‘wanita pertama’ tidaklah menjadi suatu amalan. Ramai orang berpendapat dalam konteks negara Malaysia, ‘wanita pertama’ adalah merujuk kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Secara lateralnya, pendapat tersebut adalah tidak tepat. Ini adalah kerana kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong adalah lebih tinggi daripada ‘wanita pertama’.

Kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 32 (2) dan hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong. Terminologi ‘wanita pertama’ tidak wujud sama sekali dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, untuk menyamakan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dengan ‘wanita pertama’ seperti yang diamalkan oleh negara-negara lain adalah tidak tepat sama sekali. Sekiranya ada dan diamalkan, ‘wanita pertama’ di Malaysia mestilah berada di bawah daripada kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

JAWAPAN LISAN TUAN KARPAL SINGH (BUKIT

PERTANYAAN GELUGOR)

DARIPADA 14JUN 2010

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI

TARIKH LUAR NEGERI

SOALAN 56 menyatakan bilangan warganegara Malaysia yang didapati bersalah bagi hukuman mandatori yang membawa hukuman gantung sehingga mati di luar negara dan bilangan yang dijatuhkan hukuman tersebut bagi jangkamasa 10 tahun.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada YB Bukit Gelugor atas soalan yang dikemukakan

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2010, seramai 31 orang rakyat Malaysia telah didapati bersalah dan dijatuhkan

hukuman mati mandatori (Capital Punishment) di luar negara.

3. Bagi tempoh 10 tahun yang lalu (2001-2010) terdapat **25 orang** yang telah dijatuhkan hukuman gantung sehingga mati.

Soalan No : 51

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT LISAN**

DARIPADA Y.B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)

TARIKH 14.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan perangkaan tanah rizab yang telah dan belum dirancang untuk projek pembangunan sekolah rendah bagi setiap kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan jumlah peruntukan yang telah disediakan dan digunakan bagi setiap aliran sekolah rendah dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak mempunyai maklumat berkenaan perkara yang dibangkitkan kerana ianya berada dibawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah disediakan dan dibelanjakan dalam RMKe-9 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi aliran Sekolah Rendah adalah sebanyak RM236,542,032.10.
Rjm 22

NO; 52

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DARIPADA DEWAN RAKYAT,
TUAN LIM GUAN ENG
MALAYSIA (BAGAN)
PERTANYAAN MULUT
TARIKH 14.06.2010
SOALAN NO 52

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah kesan-kesan krisis ekonomi yang berlaku di Yunani (Greece) kepada negara. Apakah langkah-langkah pencegahan yang bakal diambil oleh Kementerian bagi membolehkan negara berdepan dengan krisis sedemikian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Negara mempunyai asas ekonomi yang kukuh seperimana yang ditunjukkan oleh pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 10.1% pada suku pertama 2010 dengan semua sektor ekonomi mencatat kadar pertumbuhan positif. Pertumbuhan kukuh dan menyeluruh ini dipacu oleh permintaan domestik dan disokong oleh permintaan luar yang semakin baik. Di samping itu, daya saing negara

juga telah meningkat dengan ketara kepada kedudukan ke-10 berbanding kedudukan ke-18 pada tahun 2009 mengikut laporan *IMD World Competitiveness Yearbook 2010*.

2. Negara tidak mengalami kesan ketara akibat krisis hutang negara Greece. Ini adalah kerana negara tidak terdedah kepada krisis tersebut secara langsung. Eksport Malaysia ke Greece adalah hanya 0.1% daripada jumlah eksport negara pada tahun 2009.

3. Kedudukan kewangan negara kita adalah kekal kukuh dan mantap. Ini disebabkan usaha Kerajaan yang berterusan dalam mengekalkan hutang negara pada paras yang terkawal. Di samping itu, negara mempunyai peraturan yang mencukupi bagi memastikan tahap hutang kekal mapan dan mampu membuat bayaran khidmat hutang. Peraturan ini termasuklah had maksimum 55% nisbah hutang domestik kepada KDNK manakala jumlah pinjaman luar negeri oleh Kerajaan Pusat dihadkan kepada RM35 bilion. Peraturan ini telah dapat meminimumkan risiko hutang luar negeri dan domestik yang berlebihan. Pada masa ini, 96% hutang negara adalah dibiayai melalui sumber tempatan dan oleh itu, risiko pertukaran matawang asing adalah minimum. Sehingga 31 Mei 2010, rizab antarabangsa negara berjumlah RM312.2 bilion (USD95.5 bilion), mampu untuk menampung 4.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Tuan Yang Dipertua,

4. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan perbelanjaan yang dibuat adalah berhemat, berkualiti dan efisyen. Ini termasuk usaha

Kerajaan melaksanakan sistem tender terbuka dan mengurangan perbelanjaan Kerajaan yang tidak begitu kritikal. Kerajaan juga sedang berusaha memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan menambahbaik pentadbiran cukai untuk meningkatkan hasil Kerajaan.

5. Dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh, pengurusan kewangan terus berhemat serta inisiatif-inisiatif baru di bawah Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi yang sedang berjalan, kedudukan kewangan negara dijangka bertambah baik. Dengan pengurusan hutang luar negeri yang berhemat dan pragmatik, Kerajaan yakin negara tidak akan mengalami krisis hutang seperti negara Greece.

No: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN
WAN ABDULLAH (KOTA BHARU)**

PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH **14.06.2010**

SOALAN NO **53**

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah (Kota Bharu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Ketua Eksekutif Kumpulan (GCE) yang juga Presiden Sime Darby Berhad diberhentikan akibat kerugian RM1.63 bilion yang dialami syarikat itu akibat lebihan kos dalam projek kendaliannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Pengarah Sime Darby Bhd pada Oktober 2009 telah mewujudkan satu Jawatankuasa Kerja untuk mengkaji semula operasi Bahagian Tenaga & Utiliti iaitu projek Qatar Petroleum (Projek QP) berikutan keputusan kewangan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009. Jawatankuasa Kerja tersebut dianggotai oleh Datuk Seri Panglima Andrew Sheng Len Tao (Pengerusi), Tan Sri Wan Mohd Zahid Mohd Noordin dan Datin Paduka

Zaitoon Dato' Othman. Jawatankuasa Kerja tersebut dinasihati oleh peguam dan akauntan bebas.

2. Seterusnya pada Februari 2010, Lembaga Pengarah Sime Darby telah mengembangkan skop Jawatankuasa Kerja tersebut untuk mengkaji semula projek-projek selain daripada Projek QP iaitu projek Maersk Oil Qatar (Projek MOQ), projek pembinaan vesel-vesel untuk digunakan dalam projek MOQ (Projek Marin) dan projek empangan hidroelektrik Bakun (Projek Bakun). Lembaga Pengarah seterusnya menghalusi dan mempertimbangkan penemuan-penemuan Jawatankuasa Kerja tersebut pada 12 Mei 2010.
3. Selepas fasa pertama kajian semula oleh Jawatankuasa Kerja selesai, Ketua Eksekutif Kumpulan telah didapati bertanggungjawab. Beliau telah diminta untuk mengambil cuti berdasarkan penemuan-penemuan oleh Jawatankuasa Kerja, yang menemui kekurangan serius dalam pengurusan dan kawalan dalaman dalam keempat-empat projek tersebut. Namun, kajian masih berterusan dan atas prinsip tanggungjawab dan kebertanggungjawaban (*responsibility and accountability*), pihak Sime Darby akan mengambil tindakan-tindakan wajar yang perlu.

SOALAN NO.: 54

PERTANYAAN	PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN	DEWAN RAKYAT
	Lisan	
	Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu]	
TARIKH	14 Jun 2010 (Isnin)	
DARIPADA	Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI	
Soalan	ASAS TANI menyatakan adakah kajian mengenai berlakunya kekurangan hasil laut di perairan negara dalam tempoh tertentu. Jika ada, apakah strategi jangka panjang bagi menghadapi masalah tersebut di masa hadapan.	
Jawapan :	Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani	

Tuan yang Dipertua,

Jabatan Perikanan Malaysia telah menjalankan kajian berkenaan status sumber perikanan termasuklah sumber ikan pelagik negara. Secara amnya, sumber ikan pelagik negara adalah stabil dan masih berpotensi untuk dikembangkan di kawasan perairan Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Potensi sumber pelagik adalah sejumlah 32,000 tan metrik di Pantai Timur Semenanjung dan 310,000 tan metrik di Sabah dan Sarawak. Manakala sumber pelagik di perairan Pantai Barat didapati telah mencapai tahap optimum.

Akta Perikanan 1985 merupakan sumber kuasa Jabatan Perikanan dalam menguruskan sumber perikanan negara untuk jangka panjang dan jangka

pendek. Antara usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan bagi mengekalkan sumber pelagik yang sedia ada berdasarkan Akta Perikanan 1985 adalah :

- (i) Pengawalan pengeluaran lesen vesel baru;
- (ii) Penguatkuasaan peraturan perikanan ke atas:
 - (a) penangkapan tidak berlesen;
 - (b) pencerobohan oleh nelayan tempatan dan asing;
 - (c) penggunaan kerongcong mata pukat yang kurang daripada 38 milimeter untuk vesel pukat tunda; dan
 - (d) penggunaan alat tangkapan yang diharamkan seperti pukat surong, bom serta *cyanide*.
- (iii) Program pengurangan vesel di Zon A dan Zon B secara sukarela menerusi program '*Exit Plan*' dan
- (iv) Pembinaan tukun tiruan sebagai tempat pembiakan ikan dan penghalang pencerobohan pukat tunda.

NO. AUM : 44

NO. AUP : 5^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]
TARIKH 14 JUN 2010
RUJUKAN 2704

SOALAN:

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan benarkah wujudnya sindiket jual beli bayi yang melibatkan ibu bapa yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya ada, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kementerian tidak menafikan wujudnya kegiatan penjualan bayi di negara ini. Walaubagaimanapun, keadaan ini masih lagi terkawal. Berdasarkan perangkaan PDRM, sejak berkuatkuasanya Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007, seramai 6 orang kanak-kanak dan 13 orang bayi telah diselamatkan. Manakala bagi siasatan di bawah Akta Kanak-kanak 2000 pula, sebanyak 29 kertas siasatan telah dibuka yang melibatkan 60 orang kanak-kanak dan bayi telah di selamatkan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa memandang serius tentang permasalahan ini dan telah mengambil beberapa langkah-langkah pencegahan seperti:-

1. Mewujudkan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007.
2. Menganjurkan seminar-seminar kesedaran tentang hukuman dan akibat daripada kegiatan pemerdagangan orang.

3. Mengadakan kempen-kempen di media massa bersama badan-badan NGO di peringkat domestik dan antarabangsa; dan
4. Meningkatkan keprihatinan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti yang berlaku di sekeliling mereka dan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dalam membendung aktiviti pemerdagangan orang dari lebih berleluasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING
[KULAI]**

TARIKH 14 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan peruntukan bagi pemuliharaan (preservation) bangunan lama yang bersejarah termasuk juga tokong-tokong yang berusia hampir 100 tahun dan yang mempunyai potensi untuk menarik pelancong khasnya

SOALAN NO: 56

dari China dan Taiwan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM 55.1 juta di bawah RMKe-9 bagi memelihara bangunan bersejarah termasuk tokong-tokong di seluruh negara manakala permohonan peruntukan di bawah RMKe-10 masih dalam pertimbangan. Sejak tahun 2006, pihak Jabatan Warisan Negara telah menjalankan pemeliharaan ke atas 14 buah bangunan tokong dan bangunan-bangunan yang mempunyai kaitan dengan warisan dan kebudayaan masyarakat Cina seperti Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Tokong Pekan Cina, Kedah; Rumah Ibadat Ular Hock Hin Keong; Tokong Hock Soon Keong, Telok Intan; Tokong Tai Aik Kong, Rembau; Tokong Kwong Fook, Betung; Tokong Mek, Kg. Cina Kota Bharu; Tokong Sam Sheng Keung, Sandakan dan lain-lain.

Peruntukan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan dan bersejarah tidak disalurkan secara terus kepada mana-mana pihak kerana kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan dilaksanakan

sendiri oleh Jabatan Warisan Negara.

SOALAN NO. 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA (DAP) (BAKRI)

TARIKH 14 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN

YB Tuan Er Teck Hwa (DAP) (Bakri) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,

KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- (a) bilangan permohonan dan kelulusan bantuan kebajikan di negeri Johor sejak tahun 2005; dan
- (b) nyatakan tarikh hari pembayaran bantuan bagi setiap bulan yang telah ditetapkan, bilangan kes lewat bayar telah berlaku dan puncanya serta senaraikan kes lewat bayar ini mengikut daerah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan permohonan bantuan kebajikan bagi Negeri Johor sejak tahun 2006 sehingga bulan Mei 2010 adalah sebanyak sembilan belas ribu tiga ratus tiga puluh lapan (19,338), manakala jumlah bantuan yang diluluskan bagi tempoh yang sama

adalah sebanyak dua belas ribu dua ratus lapan puluh lapan (12,288).

JUMLAH PERMOHONAN BANTUAN KEBAJIKAN NEGERI JOHOR
TAHUN 2006 HINGGA 2010

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN LULUS
2006	71	50
2007	265.	433
2008	1,464	456
2009	17,262	11,234
2010	276	115
JUMLAH	19,338	12,288

- (b) Sejak Bidang Keberhasilan Utama Negara dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9 April 2009, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang dilantik sebagai Kementerian Peneraju Bidang Keberhasilan Utama Negara Bagi Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Berpendapatan Rendah mula melaksanakan pembayaran bantuan kebajikan pada setiap 1 hari bulan setiap bulan mulai 1 September 2009 bagi negeri-negeri di Semenanjung dan mulai 1 Januari 2010 bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Amalan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebelum ini ialah bayaran

bantuan dibuat pada penghujung bulan setiap bulan bayaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini JKM menggunakan dua kaedah pembayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan iaitu melalui bayaran secara tunai dan melalui bank. Kaedah pembayaran secara tunai dibuat kepada penerima bantuan di pusat-pusat bayaran seperti di balai raya, pusat khidmat masyarakat setempat, Unit Khidmat Penyayang (UKP) dan juga di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian. Dalam kes-kes tertentu seperti kes pesakit terlantar dan tidak mampu hadir ke pusat-pusat bayaran yang ditetapkan, bayaran secara tunai dilaksanakan di rumah klien berkenaan. Bayaran melalui bank pula dikreditkan terus ke dalam akaun penerima bantuan.

Sungguhpun begitu terdapat sebilangan kecil kes penerima bantuan secara tunai lewat menerima bayaran bantuan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- i. klien tiada di rumah semasa bayaran ingin dilakukan;
- ii. klien tidak datang apabila dipanggil untuk menerima bantuan di pusat bayaran;
- iii. klien tidak dapat dihubungi untuk memaklumkan bayaran bantuan hendak dilakukan.

JKM sentiasa mengambil langkah-langkah bagi meminimumkan kes-kes kelewatan bayaran kepada klien-kliennya. Ini termasuklah menggalakkan penerima bantuan yang masih berupaya untuk menukar cara penerimaan bantuan daripada secara tunai kepada melalui bank.

SOALAN 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK NUR JAZLAN MOHAMAD
TARIKH	14 JUN 2010
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

Rasional dan jumlah peruntukan Kerajaan yang digunakan untuk membiayai pembinaan dan pengendalian pameran Malaysia di Ekspo Dunia di Shanghai, China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya negara memperuntukkan RM35 juta untuk membiayai

pembinaan pengendalian pameran Malaysia di Ekspo Dunia di Shanghai, China. Bagi pembinaan astaka Malaysia, RM20 juta telah diperuntukkan di mana kos ini adalah termasuk kos reka bentuk, membina, menyelenggara dan merobohkan astaka setelah selesai tempoh pameran. Manakala, RM15 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan operasi sepanjang enam bulan ekspo berlangsung. Jumlah tersebut adalah bagi menampung perbelanjaan penganguran berbagai aktiviti, pemasangan bahan- bahan pameran, penghantaran pegawai petugas serta kumpulan kebudayaan, penerbitan risalah dan cenderamata, penghantaran barang promosi dan bahan pameran, perlantikan seorang pengurus astaka dan seorang timbalan pengurus astaka, majlis

perasmian Astaka Malaysia serta Majlis Sambutan Hari Kebangsaan, publisiti dan pengiklanan, serta kos penyertaan bersama MATRADE dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Soalan NO; 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN
ENDUT [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH **14 JUN 2010 (ISNIN)**

SOALAN **59**

Tuan Mohd Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan had usia 17 tahun kepada yang lebih tinggi untuk mendapatkan lesen motosikal dan oleh kerana remaja cenderung untuk memecut, adakah kerajaan bercadang untuk perkenalkan semula motosikal dengan kapasiti enjin 70cc sehingga umur remaja mencapai usia 21 tahun untuk layak menggunakan motosikal yang kapasiti enjinnya lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sebelum ini ada mencadangkan pindaan untuk menaikkan had umur bagi mendapatkan lesen memandu motosikal daripada 16 tahun kepada 17 tahun. Tujuan pindaan ini adalah untuk menggalakkan dan memberi pilihan kepada golongan berusia 17 tahun untuk mendapatkan lesen memandu motokar iaitu lesen kelas D berbanding lesen memandu motosikal. Ini bertujuan untuk mengurangkan risiko kemalangan di kalangan remaja yang berusia 16 tahun yang mana pada umur tersebut mereka hanya layak mendapatkan lesen memandu motosikal. Walau bagaimanapun, cadangan pindaan ini telah disemak semula atas pandangan daripada beberapa pihak dan Kerajaan telah mengekalkan

dasar sedia ada iaitu umur minima 16 tahun

Soalan NO; 59

bagi mendapatkan lesen memandu motosikal dan 17 tahun bagi lesen memandu motokar.

Tuan Yang Dipertua,

Seterusnya, Kerajaan juga tidak bercadang untuk menetapkan umur memandu berdasarkan kapasiti enjin motosikal, sebaliknya Kerajaan sedang mengkaji sistem kurikulum pemanduan bagi memastikan bakal-bakal pemandu adalah berkualiti dan kompeten dalam bidang pengetahuan, kemahiran dan sikap serta mematuhi peraturan-peraturan jalan raya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG
KERIAN)

DARIPADA

LISAN

PERTANYAAN : 14.06.2010

TARIKH 60

SOALAN NO

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub (Kubang Kerian) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah lebih berkesan yang dilaksanakan oleh Kerajaan selain dari tindakan Lembaga Pengarah Sime Darby meminta Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) itu bercuti berikutan kerugian besar akibat lebihan kos berjumlah kira-kira RM1.6 bilion.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedang memerhati Sime Darby Bhd (Sime Darby) dari dekat. Kerajaan tidak berhasrat untuk menutup kerugian dalam mana-mana Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs). Tindakan yang telah diambil oleh Sime Darby mencerminkan prinsip ketegasan, ketepatan dan ketelusan dalam syarikat itu.

2. Pada 27 Mei 2010, Sime Darby telah mengumumkan fasa kedua kajian semula Bahagian Tenaga & Utilitinya dengan penilaian secara menyeluruh struktur organisasi dan pelaporan Kumpulan. Ini merupakan susulan dari penemuan-penemuan oleh Jawatankuasa Kerja yang dilantik oleh pihak Lembaga Pengarah yang diwujudkan untuk menentukan sebab-sebab dan jumlah kerugian bahagian tersebut. Kelemahan-kelemahan pengurusan, organisasi dan pelaporan telah dibangkitkan oleh Jawatankuasa Kerja dan beberapa syor telah diajukan untuk menanganinya.
3. Langkah segera Sime Darby adalah melantik perunding-perunding untuk mengkaji struktur pelaporan dan organisasi yang dicadangkan oleh pihak Lembaga Pengarah. Pada masa yang sama, pihak Lembaga Pengarah telah melantik sebuah firma guaman bebas untuk melaksanakan penyiasatan susulan untuk menentukan kepertanggungjawaban (*culpability*), berdasarkan penemuan-penemuan oleh Jawatankuasa Kerja ke atas empat projek utama Bahagian Tenaga & Utiliti; iaitu Projek QP, Projek MOQ, Projek Marin dan Projek empangan hidroelektrik Bakun.
4. Lembaga Pengarah telah mengarahkan pengurusan dan kakitangan Sime Darby untuk bekerjasama sepenuhnya dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam penyiasatan mereka. Ahli-ahli Lembaga Pengarah turut bersedia membantu SPM.

5. Kerajaan juga akan meminta pihak Sime Darby membuat semakan dan penstrukturkan semula ke atas model perniagaan bagi memastikan aktivitinya tidak menyimpang dengan melibatkan berbagai aktiviti yang tidak selari dengan tujuan dan objektif asal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH 14 JUN 2010

SOALAN 63

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai destinasi penerbangan yang telah diluluskan kepada Malaysia Airlines (MAS) dan AirAsia tetapi masih belum dimulakan penerbangan ke destinasi tersebut oleh kedua-dua syarikat tersebut setakat ini.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Senarai destinasi penerbangan yang telah diluluskan kepada MAS, AirAsia dan AirAsia X tetapi masih belum dimulakan penerbangan adalah seperti berikut:

- (i) MAS - 2 laluan
- (ii) AirAsia - 7 laluan
- (iii)AirAsia x - 16 laluan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN MOHSINFADZLI BIN SAMSURI

[Bagan Serai]

TARIKH 14 JUN 2010

NO.SOALAN : 62

SOALAN

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah bilangan PATI terutama kanak-kanak yang berkeliaran menjual rokok tanpa cukai di kawasan persekitaran Pasar Besar Lahad Datu, Sabah; dan
- (b) berapakah bilangan mereka yang telah ditangkap dan nilai rampasan untuk tahun 2008 dan 2009.

JAWAPAN : **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

- a) Untuk makluman, pada 26 Jun 2007 Kerajaan telah mewujudkan Rumah Perlindungan Ehsan di Kota Kinabalu, Sabah yang dikendalikan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (S/L) bagi menempatkan kanak-kanak jalanan yang

1

telah diselamatkan termasuklah kanak-kanak yang berkeliaran menjual rokok, menjual nombor ekor, menjual ikan, menjual beg plastik dan pelbagai aktiviti- aktiviti negatif.

Operasi Kanak-Kanak Jalanan telah dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (S/L) bersama dengan agensi lain seperti PDRM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Operasi Kanak-Kanak Jalanan dijalankan

di seluruh negeri Sabah. Bilangan kanak-kanak jalanan yang telah diselamatkan dan dipulihkan di Rumah Perlindungan Ehsan untuk tahun 2008 dan 2009 ialah seramai **398 orang**.

- b) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan sepanjang tahun untuk membanteras penjualan rokok tanpa cukai dan di antaranya adalah kes menjual rokok tanpa cukai yang melibatkan pendatang tanpa izin (PATI) dan PATI kanak-kanak.

Bagi tahun 2008 dan 2009, jumlah PATI kanak-kanak yang ditangkap bagi kesalahan menjual rokok tanpa cukai adalah seorang bagi setiap tahun, ia melibatkan nilai tangkapan sebanyak RM 120.00 dan cukai terlibat sebanyak RM 570.65. Kedua-dua kes terlibat telah dikenakan kompaun yang berjumlah RM 410.00.

JKDM akan terus meningkatkan usaha membanteras penjualan rokok tanpa cukai dikalangan PATI secara berterusan bagi memastikan aktiviti ini dapat dibanteras secara maksimum.

Sekian.Terima kasih.

NO.AUM : 65

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI]

14 JUN 2010

TARIKH

2705

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Gobalakrishan a/l **LISAN** Nagapan [Padang Serai] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah laporan
polis yang dibuat terhadap Velpari Sarny Vellu, Pengurus Maika Holdings
Berhad mengenai penyelewengan dan apakah tindakan yang diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis telah menerima sebanyak 8 laporan polis yang dibuat oleh pemegang-pemegang saham Maika Holdings Bhd. Kesemua laporan yang dibuat tersebut mendakwa bahawa wujud penipuan dan salah guna wang pelaburan syarikat oleh Dato' Seri Samy Vellu dan anaknya Velpari sehingga menyebabkan kemerosotan nilai saham Maika Holdings. Kesemua laporan tersebut disiasat di bawah seksyen 420 Kanun Kesekaan dan telah diklasifikasikan NFA oleh Timbalan Pendakwaraya pada 11 Mei 2009.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG HO LENG
[SIBU]

TARIKH : 14 JUN 2010

SOALAN :

TUAN WONG HO LENG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan SPRM sejak penubuhannya dalam usaha memerangi rasuah di Sarawak dan mengapakah tidak

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

seorang pun pemimpin Kerajaan atau ahli-ahli politik tertinggi yang pernah dikenakan tindakan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Y.B. Sibu, sejak penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mulai 1 Januari 2009, sejumlah 877 maklumat telah diterima dan seramai 66 orang telah ditangkap di negeri Sarawak. Bagi tempoh yang sama 22 orang telah didakwa di Mahkamah.

Sepanjang tahun 2009 sehingga bulan Mei 2010 juga, SPRM ada menerima beberapa maklumat terhadap ahli-ahli parti politik di Sarawak, namun begitu kesemua maklumat tersebut tidak mempunyai asas keterangan yang kukuh bagi membuktikan sebarang kesalahan. Manakala bagi kes-kes yang melibatkan pemimpin atau pegawai kanan kerajaan, SPRM telah menangkap seramai 5 orang yang berjawatan gred 48 dan telah menuduh 2 orang berjawatan gred 54 di Mahkamah.

Sekian. Terima kasih.